

iii. PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN KEPUJIAN [BFIN (HONS)]

PENGENALAN

Program Ijazah Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian yang dilancarkan pada tahun 2002 merupakan program pertama yang seumpamanya ditawarkan di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Program ini diperkenalkan bagi melahirkan para graduan yang berpengetahuan serta berkemahiran, seterusnya memenuhi permintaan industri kewangan sama ada di sektor awam ataupun swasta di samping berupaya untuk membantu meningkatkan prestasi sektor kewangan di peringkat nasional dan antarabangsa.

MATLAMAT PROGRAM

Program Ijazah Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian ditawarkan bagi memenuhi objektif berikut:

1. Melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang kewangan dan berupaya memberi idea-idea yang bernas dalam menangani sebarang permasalahan kewangan masa kini.
2. Menyediakan barisan pelapis yang mantap dalam bidang kewangan bersesuaian dengan kehendak industri masa kini yang dinamik.
3. Memenuhi keperluan tenaga manusia khususnya dalam industri kewangan.

PROSPEK KERJAYA

Lulusan daripada program ini dijangka dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran mereka secara amali untuk menangani isu-isu kewangan merentasi seluruh dimensi dan aspek kewangan sama ada di organisasi-organisasi awam atau swasta dan di peringkat nasional atau antarabangsa. Mereka dijangka mampu menyandang jawatan eksekutif kewangan di mana-mana institusi kewangan atau bukan kewangan dan berupaya untuk menjalankan tugas perundingan kewangan dengan cekap.

DEKAN PUSAT PENGAJIAN EKONOMI, KEWANGAN DAN PERBANKAN

Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim
BA (Actuarial Sc) (Iowa), MSc (Actuarial Sc) (Iowa), PhD (Finance) (DeMontfort)
e-mel : yibrahim@uum.edu.my

TIMBALAN DEKAN

Prof. Madya Dr. Sallahuddin Hassan
Dip. Agric, BSc (Hons) (UPM), MPA (USC), MA (Tennessee), PhD (Malaya), Dip. Econ (Econ. Inst. Colorado), Dip. Penulisan (DBP-PLM)
e-mel : din636@uum.edu.my

KETUA JABATAN KEWANGAN

Dr. Zaemah Zainuddin
BSBA (Finance) (Inter. Bus) (Drexel), MCom (Fund. Mgt) (Univ. of New South Wales), PhD (Lincoln University)
e-mel : zaemah@uum.edu.my

PENYELARAS PROGRAM SARJANA MUDA KEWANGAN

Dr. Hisham bin Mohammad
BBA (Hons) (UUM), MBA (Venture Capital Management) (UTM), PhD (Venture Capital) (UUM)
e-mel : mhisham@uum.edu.my

PROFESOR

Prof. Dr. Nur Adiana Hiau Abdullah
BSc (Finance) (Northern Illinois Univ.), MBA (Univ. of Idaho), PhD (Aston Univ.)
e-mel : diana897@uum.edu.my

Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim
BSc (Actuarial Science), MSc (Actuarial Science) (Univ. of Iowa), PhD (De Monfort Univ.)
e-mel : yibrahim@uum.edu.my

PROFESOR MADYA

Prof. Madya Dr. Angappan a/l Regupathi
BBA (UUM)(Hons), MBA (Aston Univ.), PhD (Univ. of Hull)
e-mel : angappan@uum.edu.my

Dr. Kamarun Nisham Taufil Mohd
BSBA (Finance) (Univ. of Nebraska), MBA (Univ. of Rochester),
PhD (Univ. of Arizona)
e-mel : kamarun@uum.edu.my

Prof. Madya Dr. Mohd Amy Azhar Mohd Harif, C.A.(M),
CFP, AMP
B.Acct (Hons), MBA (Management) (UUM), PhD (Univ. of
Southern Queensland)
e-mel : amyazhar@uum.edu.my

Prof. Madya Dr. Rohani Md. Rus
DBS (UiTM), BBA (Hons) (UUM), MA (Fin & Bus Econ)
(Essex), PhD (Univ. of Manchester)
e-mel : rohani@uum.edu.my

PENSYARAH KANAN

Abdul Halim @ Hamilton Ahmad*
BBA (Hons), MSc (Finance) (UUM)
e-mel : abd.halim@uum.edu.my

Dr. Adilah Azhari
BSc. (Hons) in Science & Tech. Studies (UM), MBA (Finance &
MIS) (UM), PhD (Accounting & Finance) (Univ. of Strathclyde)
e-mel : a.adilah@uum.edu.my

Dr. Ahmad Rizal Mazlan**
BSc (Management) (Finance) (Case Western Reserve Univ.),
MSc (Finance) (UUM), PhD (UIA)
e-mel : arizal@uum.edu.my

Dr. Faizah Ismail
BSB (Univ. of Minnesota), M (Finance) (St. Louis Univ.),
PhD (Univ. of Nottingham)
e-mel : faizah@uum.edu.my

Dr. Hanita Kadir @ Shahar
BSc (Business & Economics) (Lehigh Univ.), MSc (Finance)
(UUM), PhD (Finance) (UUM)
e-mel : hanita@uum.edu.my

Dr. Hasniza Mohd Taib, iFP
DIB (UiTM), BBA (Finance) (UiTM), MBA (Finance)(UPM),
PhD (RMIT)
e-mel : hasniza@uum.edu.my

Dr. Hisham bin Mohammad
BBA (Hons) (UUM), MBA (Venture Capital Management) (UTM),
PhD (Venture Capital) (UUM)
e-mel : mhisham@uum.edu.my

Dr. Khaw Lee Hwei
BBA (Hons) (UKM), MSc (Finance) (UUM), PhD (Massey
University)
e-mel : lhkhaw@uum.edu.my

Mohammad Badri Rozali, CFP**
BBA (Finance)(Univ. of Iowa), MBA (Univ. of Aix-Marseille)
emel : badri@uum.edu.my

Dr. Norhafiza Nordin, CFP
BBA (Finance) (Univ. of Wisconsin-Madison), M (Applied
Finance) (Monash Univ.), PhD (Finance) (UUM)
e-mel : norhafiza@uum.edu.my

Dr. Norzalina Ahmad
BBA (Hons) (Finance) (UKM), MSc (Finance) (UPM),
PhD (Finance) (Essex)
e-mel : norzalina@uum.edu.my

Dr. Rasidah Mohd Rashid
B.Fin (Hons) (UUM), Master of Commerce (Accounting &
Finance) (Macquarie Univ.), DBA (UKM)
e-mel : m.rasidah@uum.edu.my

Dr. Rusmawati Ismail
DIB (UiTM), BBA (Hons) (UUM), MSc (Finance) (UUM/BAe),
PhD (Finance) (UUM)
e-mel : wati@uum.edu.my

Dr. Sabariah Nordin
BBA (Finance) (Univ. of Wisconsin-Madison), MBA (UUM),
PhD (UIA)
e-mel : norsabariah@uum.edu.my

Dr. Sabri Nayan
B. Econs (Hons) (UKM), MBA (Finance) Oklahoma City
University (USA), PhD (Economics) UUM
e-mel : sabri.nayan@uum.edu.my

Dr. Sharmilawati Sabki
BBA (Finance) (Hons) (UUM), M. (Applied Finance)
(Macquarie Univ.), DBA (UKM)
e-mel : sharmila@uum.edu.my

Dr. Syed Mohd Na'im Syed Salim
DBS (UiTM), BBA (Hons) (UUM), MSc (Finance) (Univ. of
Lancaster), PhD (Univ. of Salford)
e-mel : snaim@uum.edu.my

Dr. Wong Wei Chyuan*
BBA (Finance) (Hons) (UUM), MSc. (Finance) (UUM), PhD. (Real
Estate) (NUS)
e-mel : wwchyuan@uum.edu.my

Dr. Zaemah Zainuddin
BSBA (Finance) (Inter. Bus) (Drexel), MCom (Fund. Mgt) (Univ.
of New South Wales), PhD (Lincoln University)
e-mel : zaemah@uum.edu.my

Dr. Zahiruddin Ghazali**
DPA (UiTM), BBA (Hons) (UUM), MSc (Finance) (UUM/BAe),
PhD (Finance) (USM)
e-mel : uddin@uum.edu.my

PENSYARAH

Afiruddin Tapa
DIB, BBA (Finance) (UiTM), MSc (Finance) (UPM)
e-mel : afiruddin@uum.edu.my

Fikriyah Abdullah**
DBS, BBA (Finance)(UiTM), MSc (Finance)(UPM)
e-mel : fikriyah@uum.edu.my

Kharul Azhar Ramli
Dip. Acct, B.Acct (UUM), MBA (Finance) (UUM)
e-mel : kazhar@uum.edu.my

Maswati @ Mahfuzah Salim**
DIB, ADBS (Finance) (UiTM), MBA (UUM)
e-mel : mahfuzah@uum.edu.my

Puspakaran a/l Kesayan
BBA (Hons) (UUM), M.Econ (Finance) (Univ. of New South
Wales)
e-mel : puspakaran@uum.edu.my

PENSYARAH PELAWAT

Dr. Hamdan Amer Ali Al-Jaifi
MSc & BSc (Finance & Banking) (Hons) (YU),
PhD (Finance) (UUM)
e-mel : hamdan@uum.edu.my

Dr. Hassan Kamel Alaaraj
e-mel : hkalaaraj@uum.edu.my

Dr. Md Mahmudul Alam
BBA (Finance & Economics) (Hons.) (North South Uni., Dhaka)
MA & PhD (Economics) (UKM)
e-mel : mahmudul@uum.edu.my, rony000@gmail.com

Dr. Md Shahin Mia
BBS (Finance & Banking) (Hons) (Rajshahi Univ., Bangladesh),
MBA (Finance & Banking) (Rajshahi Univ., Bangladesh), PhD
(Environment & Development) (UKM)
e-mel : shahin@uum.edu.my

Dr. Sulaiman Abdullah Saif Alnasser Mohammed
BBA (Finance & Administration) (Univ. of Pune), MBA (Finance)
(UM), PhD (Finance) (USM)
e-mel : sulaiman@uum.edu.my

TUTOR

Bavani a/p Subramaniam*
DHRM (Stamford College), BBA (Hons) (UUM), MSc (Finance)
(Lancaster University)
e-mel : bavani@uum.edu.my

Boo Hooi Laing*
BRMI (Hons), MSc (Finance) (UUM)
e-mel : hlboo@uum.edu.my

Farah Farhana bt. Hamzah*
Dip.in Invest. Analysis (DIIA) (UiTM), BBA (Hons) (UiTM)
e-mel : farahfarhana@uum.edu.my

Hanis Adiola bt. Ibrahim*
BSc (Accounting & Finance) (Univ. of Leeds)
e-mel : adiola@uum.edu.my

Khairul Zharif bin Zaharudin
B.Fin (Hons.) (UUM), MSc. Finance (UUM)
e-mel : zharif@uum.edu.my

Mohd Yushairi Mat Yusoff*
e-mel : mohdyushairi@uum.edu.my

Nas'Asshraf bin Naina Mohamed*
Dip. (Banking) (UiTM), BBA (Hons) (Finance) (UiTM),
MSc (Finance) (UUM)
e-mel : nas'asshraf@uum.edu.my

Noor Maimun bt. Abdul Wahab*
e-mel : noormaimun@uum.edu.my

Rozita bt. Saadan*
DIB (UiTM), BBA (Hons)(Finance) (UiTM),
MSc. (Finance) (IIUM)
e-mel : srozita@uum.edu.my

Siti Solehah bt. Ghazali*
BBA (Hons) (Finance) (UiTM), MSc (Finance) (UUM)
e-mel : ssolehah@uum.edu.my

Zarina bt. Nadakkavil Alassan
e-mel : na.zarina@uum.edu.my

* Cuti Belajar
** Dipinjamkan/ Cuti Tanpa Gaji

STRUKTUR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN KEPUJIAN [BFIN (HONS)]

Program Ijazah Sarjana Muda Kewangan dengan kepujian
mengandungi **LIMA (5)** komponen seperti di bawah:

KOMPONEN	JAM KREDIT
A. TERAS UNIVERSITI	25
B. TERAS PROGRAM	71
C. MINOR	18
D. ELEKTIF PROGRAM	12
E. ELEKTIF BEBAS	3

JUMLAH JAM KREDIT KESELURUHAN 129

Bagi dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dengan
Kepujian, seseorang pelajar dikehendaki mengambil dan lulus
minimum 129 jam kredit yang meliputi kursus-kursus dalam
struktur program seperti di bawah:

A. TERAS UNIVERSITI (25 JAM KREDIT)

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
SADN1013	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	3
SADN1043	Hubungan Etnik	3
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	3
SBLE1063	English Proficiency I	3
SBLE2113	English Proficiency II	3
SBLE3123	English Proficiency III	3
SADE1013	Asas Keusahawanan	3
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	4

Pilih **SATU (1)** bidang ko-kurikulum yang diminati dan tertakluk
kepada syarat-syarat yang ditetapkan bagi setiap bidang.

B. TERAS PROGRAM (71 JAM KREDIT)

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRASYARAT
SQQS1013	Pengantar Statistik	3	Tiada
SQQS2013	Statistik Gunaan	3	SQQS1013 Pengantar Statistik
STID1103	Aplikasi Komputer dalam Pengurusan	3	Tiada
BEEB1013	Prinsip Ekonomi	3	Tiada
BEEB2033	Ekonomi Gunaan	3	BEEB1013 Prinsip Ekonomi
BKAF1023	Pengantar Perakaunan Kewangan	3	Tiada
BWFF2033	Pengurusan Kewangan	3	BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan ATAU BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I

BWFF2043	Pengurusan Kewangan Lanjutan	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWFF3013	Kewangan Korporat	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFF3033	Institusi dan Pasaran Kewangan	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWFF3043	Kewangan Antarabangsa	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFF3073	Kewangan Peribadi	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFF3193	Seminar Kewangan	3	Telah melengkapkan sekurang-kurangnya 100 jam kredit
BWFF3013	Analisis Pelaburan	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWRR3033	Pengurusan Risiko	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	3	Tiada
BPMN3123	Etika Pengurusan	3	Tiada
BPMN3143	Kaedah Penyelidikan	3	SQQS1013 Pengantar Statistik DAN telah melengkapkan sekurang-kurangnya 70 jam kredit
BPMN3023	Pengurusan Strategik	3	Telah mengambil dan lulus 100 jam kredit
GLUL2023	Undang-Undang Perniagaan	3	Tiada
BPMN1013	Pengantar Pemasaran	3	Tiada

BWFX4908	Praktikum	8	Telah mengambil dan lulus kesemua kursus di dalam struktur program
----------	-----------	---	--

C. MINOR (18 JAM KREDIT)

Pelajar **WAJIB** memilih **SATU (1)** Minor daripada **EMPAT (4)** bidang Minor berikut:

1) **PERAKAUNAN** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Perakaunan (SOA).

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus daripada senarai kursus di bawah:

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRASYARAT
BKAA2013	Audit dan Asurans I	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I ATAU BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAA3023	Audit dan Asurans II	3	BKAA2013 Audit dan Asurans I
BKAR1013	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I	3	BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAR2023	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan II	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I
BKAM2013	Perakaunan Pengurusan I		BKAR1013 Perakaunan

		3	Kewangan dan Pelaporan I ATAU BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAM3023	Perakaunan Pengurusan II	3	BKAM2013 Perakaunan Pengurusan I
BKAS2013	Sistem Maklumat Perakaunan	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I ATAU BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAS2123	Analisis dan Rekabentuk Sistem Maklumat Perakaunan	3	BKAS2013 Sistem Maklumat Perakaunan
BKAT2013	Pengantar Pencukaian	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I ATAU BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAT3023	Pencukaian Lanjutan	3	BKAT2013 Pengantar Pencukaian

ATAU

2) **PENGURUSAN RISIKO** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB).

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus daripada senarai kursus di bawah:

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRASYARAT
BWRR1013	Risiko dan Insurans	3	Tiada
BWRR3033	Pengurusan Risiko	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRS2013	Takaful	3	Tiada
BWRR3043	Pengurusan Manfaat Pekerja	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans DAN BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR3063	Pengurusan Risiko Kewangan	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWRR3073	Pengurusan Risiko Kredit	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR3123	Urus Tadbir Korporat	3	Tiada
BWRR3133	Analisis Risiko dan Pembuatan Keputusan	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans DAN BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWRR3143	Pengurusan Risiko Harta dan Liabiliti	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans
BWRR3153	Pembiayaan Risiko	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans DAN BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan

ATAU

3) **UNDANG-UNDANG KOMERSIL** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Undang-undang (SOL).

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus daripada senarai kursus di bawah:

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRASYARAT
GLUE2113	Undang-Undang Perniagaan	3	Tiada
GLUE2033	Undang-Undang Pekerjaan dan Perhubungan Perindustrian	3	Tiada
GLUE3163	Undang-Undang Pentadbiran	3	Tiada
GLUE3173	Undang-Undang Perbankan	3	Tiada
GLUE3013	Undang-Undang Insurans	3	Tiada
GLUE3023	Undang-Undang Hasil	3	Tiada
GLUE3143	Undang-Undang Hakcipta	3	Tiada
GLUE3133	Undang-Undang Harta Perindustrian	3	Tiada
GLUE3043	Undang-Undang Teknologi Maklumat	3	Tiada
GLUE3053	Undang-Undang Siber	3	Tiada

ATAU

4) **KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS).

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus daripada senarai kursus di bawah.

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRASYARAT
BWBS2083	Pengurusan Bank-bank Islam	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan DAN BWSS2013 Falsafah Perniagaan dalam Kewangan dan Perbankan Islam
BWFS2073	<i>Usul fiqh</i> untuk Kewangan dan Perbankan	3	BWSS2013 Falsafah Perniagaan dalam Kewangan dan Perbankan Islam
BWFS2083	Pasaran Kewangan Islam, Instrumen dan Institusi	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan DAN BWSS2013 Falsafah Perniagaan dalam Kewangan dan Perbankan Islam
BWFS3053	<i>Qawaid fiqh</i> untuk Kewangan dan Perbankan	3	BWFS2073 Usul fiqh untuk Kewangan dan Perbankan
BWFS3093	Seminar Kewangan dan Perbankan Islam	3	Telah mengambil dan lulus 100 jam kredit
BWSE1013	Asas Ekonomi Islam	3	TIADA
BWSS2013	Falsafah Perniagaan dalam Kewangan dan Perbankan Islam	3	TIADA
BWSS2093	Kontrak Kewangan dan Perbankan Islam	3	TIADA
BWBS3043	Pengurusan Perbankan Islam	3	TIADA

BWFS3013	Pelaburan Islam	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan DAN BWSS2013 Falsafah Perniagaan dalam Kewangan dan Perbankan Islam
----------	-----------------	---	---

D . ELEKTIF PROGRAM (12 JAM KREDIT)

Pilih **EMPAT (4)** kursus daripada senarai kursus di bawah:

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRASYARAT
BWFE3013	Pengurusan Hartanah	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWFF3023	Pengurusan Kredit	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWFF3053	Permodelan Kewangan	3	STID1103 Aplikasi Komputer dalam Pengurusan DAN BWFF3013 Kewangan Korporat
BWFF3063	Teori Kewangan	3	BWFF3013 Kewangan Korporat
BWFF3083	Modal Teroka	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFN3023	Pasaran Hadapan dan Opsyen	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFN3033	Pengurusan Portfolio	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFZ3993	Latihan Ilmiah	3	BPMN3143 Kaedah Penyelidikan
BWBB2013	Pengurusan Bank	3	Tiada
BWBB3033	Perbankan Antarabangsa	3	BWBB2013 Pengurusan

			Bank
BWBB3043	Sekuriti Perbankan	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWBB3073	Pengurusan Perbendaharaan	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWBB3083	Perbankan Korporat	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWBB3093	Perbankan Luar Pesisir	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWRR3013	Pengurusan Insurans	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR3023	Sains Aktuari	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR3053	Reinsurans	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans
BWRR3103	Pengurusan Estet	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR3113	Perancangan Persaraan	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan

E. ELEKTIF BEBAS (3 JAM KREDIT)

Pelajar perlu memilih mana-mana **SATU (1)** kursus yang ditawarkan oleh program pengajian lain di Pusat Pengajian yang sama atau kursus Pusat Pengajian lain dengan mengambil kira perkara berikut:

- i. Perlu memenuhi prasyarat kursus sekiranya kursus tersebut memerlukan prasyarat.
- ii. Kursus-kursus setara tidak boleh dijadikan sebagai elektif bebas.

**CADANGAN PENGAMBILAN KURSUS MENGIKUT SEMESTER
UNTUK PROGRAM SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN
KEPUJIAN [BFIN (HONS)]**

Kod Kursus	Semester 1	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 2	Jam Kredit
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	3	BPM1013	Pengantar Pemasaran	3
BKAF1023	Pengantar Perakaunan Kewangan	3	SADE1013	Asas Keusahawanan	3
SQQS1013	Pengantar Statistik	3	STID1103	Applikasi Komputer dalam Pengurusan	3
SADN1013	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	3	BWFF2033	Pengurusan Kewangan	3
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	3	BEEB1013	Prinsip Ekonomi	3
SBLE1063	English Proficiency I	3	SBLE2113	English Proficiency II	3
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1	VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1
JUMLAH		19	JUMLAH		19
Kod Kursus	Semester 3	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 4	Jam Kredit
BWFF2043	Pengurusan Kewangan Lanjutan	3	BWFF3013	Kewangan Korporat	3
SADN1043	Hubungan Etnik	3	GLUL2023	Undang-Undang Perniagaan	3
BEEB2033	Ekonomi Gunaan	3		Elektif Program 1	3
SQQS2013	Statistik Gunaan	3		Minor 1	3
SBLE3123	English Proficiency III	3	BWFF3073	Kewangan Peribadi	3
BWFF3033	Institusi dan Pasaran Kewangan	3	BWFF3013	Analisis Pelaburan	3
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1	VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1
JUMLAH		19	JUMLAH		19
Kod Kursus	Semester 5	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 6	Jam Kredit
BPMN3123	Etika Pengurusan	3	BWFF3043	Kewangan Antarabangsa	3
BWRR3033	Pengurusan Risiko	3		Elektif Program 4	3
	Elektif Program 2	3		Minor 3	3
	Elektif Program 3	3		Minor 4	3
	Minor 2	3	BPMN3143	Kaedah Penyelidikan	3
JUMLAH		15	JUMLAH		15
Kod Kursus	Semester 7	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 8	Jam Kredit
BWFF3193	Seminar Kewangan	3	BWFX4908	Praktikum	8
	Minor 5	3			
	Minor 6	3			
	Elektif Bebas	3			
BPMN3023	Pengurusan Strategik	3			
JUMLAH		15	JUMLAH		8

JADUAL PENAWARAN KURSUS MENGIKUT SEMESTER

KOD	NAMA KURSUS	SEMESTER PERTAMA	SEMESTER KEDUA
BWFE3013	Pengurusan Hartanah		X
BWFF1013	Asas Kewangan	X	X
BWFF2033	Pengurusan Kewangan	X	X
BWFF2043	Pengurusan Kewangan Lanjutan	X	X
BWFF3013	Kewangan Korporat	X	X
BWFF3023	Pengurusan Kredit		X
BWFF3033	Institusi dan Pasaran Kewangan	X	X

BWFF3043	Kewangan Antarabangsa	X	X
BWFF3053	Permodelan Kewangan	X	X
BWFF3063	Teori Kewangan		X
BWFF3073	Kewangan Peribadi	X	X
BWFF3083	Modal Teroka	X	
BWFF3193	Seminar Kewangan	X	X
BWFF3013	Analisis Pelaburan	X	X
BWFF3023	Pasaran Hadapan dan Opsyen		X
BWFF3033	Pengurusan Potfolio	X	
BWFF3993	Latihan Ilmiah	X	X

SINOPSIS KURSUS

**BWFE3013 PENGURUSAN HARTANAH
PRA-SYARAT BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pengenalan pengurusan hartanah. Para pelajar dikehendaki meningkatkan kefahaman tentang keadaan dan amalan semasa pengurusan hartanah. Topik-topik yang dibincangkan termasuk ciri-ciri hartanah dari aspek ekonomi, undang-undang seperti pemilikan, hak milik, sistem Torrens dan Kanun Tanah Malaysia, pembiayaan hartanah, pelaburan hartanah, pembangunan hartanah. Penilaian hartanah juga dibincangkan termasuk penilaian melalui kaedah kos, pendapatan dan perbandingan pasaran.

**BWFF1013 ASAS KEWANGAN
PRASYARAT TIADA**

Kursus ini akan memberi pendedahan awal ke atas prinsip-prinsip asas dalam ilmu pengurusan kewangan yang amat diperlukan dalam menguruskan sesebuah perniagaan. Topik-topik yang dibincangkan merangkumi analisis penyata kewangan, konsep nilai masa wang, risiko dan pulangan dan juga penilaian ke atas saham dan bon. Kos modal dan teknik-teknik dalam belanjawan modal juga akan turut dibincangkan dalam kursus ini. Selain daripada itu, perancangan kewangan jangka pendek dan pengurusan kos modal juga akan turut dibincangkan di dalam kursus ini.

**BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN
PRA-SYARAT BKAF1023 PENGANTAR PERAKAUNAN
KEWANGAN ATAU BKAL1013 PERAKAUNAN
PERNIAGAAN ATAU BKAR1013 PERAKAUNAN
KEWANGAN DAN PELAPORAN 1**

Kursus ini memperkenalkan teori, konsep dan aplikasi pengurusan kewangan dengan memberi penekanan kepada

pengurusan kewangan jangka pendek dan instrumen kewangan yang digunakan dalam membuat keputusan kewangan. Perbincangan mengenai pengurusan kewangan jangka pendek mengupas topik berkaitan pembiayaan jangka pendek termasuk pengurusan aset semasa yang mana merangkumi tunai, sekuriti mudahniaga, akaun belum terima dan inventori. Di antara konsep dan instrumen kewangan yang dibincangkan adalah analisa kewangan, konsep risiko dan pulangan, dan nilai masa wang.

**BWFF2043 PENGURUSAN KEWANGAN LANJUTAN
PRA-SYARAT BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Kursus ini ialah kesinambungan kepada kursus BWFF2033 Pengurusan Kewangan dan ianya memberi penekanan kepada pembuatan keputusan pelaburan dan pembiayaan jangka panjang. Sejajar dengan objektif kursus ini, konsep nilai masa wang yang diperkenalkan dalam BWFF2033 akan ditekankan kembali sebagai penyediaan untuk mengaplikasikan konsep ini ke dalam topik yang lain seperti penilaian sekuriti, kos modal dan belanjawan modal. Selain itu, leveraj dan struktur modal, dan polisi dividen akan juga dibincangkan di dalam kursus ini.

**BWFF3013 KEWANGAN KORPORAT
PRA-SYARAT BWFF2043 PENGURUSAN KEWANGAN
LANJUTAN**

Kursus ini adalah untuk memantapkan lagi kefahaman pengurusan kewangan yang telah dipelajari dalam kursus BWFF2033 Pengurusan Kewangan dan BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan. Kursus ini memberi penekanan kepada teori-teori yang berkaitan dengan pembiayaan jangka panjang serta struktur modal optimum dalam sektor korporat. Sehubungan dengan itu, pelajar akan didedahkan dengan topik-topik seperti menguruskan nilai pemegang saham, risiko dan pulangan, risiko dalam belanjawan modal, keupayaan dan struktur modal, dasar dividen, sekuriti kacukan dan derivatif, pengurusan risiko kewangan dan penstrukturan semula korporat.

**BWFF3023 PENGURUSAN KREDIT
PRA-SYARAT BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Kursus ini membincangkan konsep, prinsip dan amalan pengurusan kredit khususnya dalam kredit pengguna dan kredit perdagangan. Tumpuan diberi kepada teknik-teknik dalam menggubal dasar kredit, penilaian, pelaksanaan dan pengawalannya selaras dengan matlamat organisasi yang menawarkan kredit. Kewangan dan pelunjuran aliran tunai, langkah-langkah pemantauan dan pengutipan, insurans,

cagaran dan perundangan juga dititikberatkan. Penekanan diberi kepada prinsip dan amalan pengurusan kredit perdagangan di Malaysia.

**BWFF3033 INSTITUSI DAN PASARAN KEWANGAN
PRA-SYARAT BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada landskap kewangan di Malaysia. Kursus ini membincangkan evolusi perkembangan dan pembentukan sistem kewangan sejak merdeka berdasarkan fungsi dan jenis institusi-institusi kewangan serta pasaran kewangan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, potensi perkembangan institusi-institusi kewangan, aktiviti-aktiviti aliran dana dan wang dalam konteks perkembangan ekonomi dan suasana kewangan semasa juga turut dibincangkan.

**BWFF3043 KEWANGAN ANTARABANGSA
PRA-SYARAT BWFF2043 PENGURUSAN KEWANGAN
LANJUTAN**

Kursus ini melengkapkan pelajar dengan konsep-konsep penting kewangan antarabangsa dan kaedah pembuatan keputusan kewangan firma-firma multinasional. Para pelajar akan didedahkan kepada persekitaran kewangan antarabangsa iaitu pasaran tukaran asing, sistem kewangan antarabangsa, imbangan pembayaran dan juga faktor-faktor yang menentukan kadar tukaran. Selain daripada itu, cara-cara untuk menguruskan risiko tukaran asing juga dibincangkan. Bidang-bidang kewangan korporat yang tradisional seperti pengurusan modal kerja, struktur modal, belanjawan modal dan lain-lain lagi juga turut dibincang tetapi dari perspektif firma multinasional di mana penumpuan diberi ke atas elemen keputusan yang jarang-jarang dihadapi oleh firma-firma domestik.

**BWFF3053 PERMODELAN KEWANGAN
PRA-SYARAT STID1103 APLIKASI KOMPUTER DALAM
PENGURUSAN DAN BWFF3013 KEWANGAN KORPORAT**

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan mengenai penggunaan pelbagai perisian lembaran kerja dalam pengurusan kewangan. Topik-topik yang dibincangkan adalah pemodelan maklumat penyata kewangan, penilaian firma dan aset-asetnya, belanjawan modal, struktur modal, kesan leveraj, pengimbangan pelaburan tunai, sekuriti boleh niaga, inventori dan akaun belum terima dengan mengambil kira risiko, pengurusan risiko dengan penstrukturan semula korporat melalui penggabungan.

**BWFF3063 TEORI KEWANGAN
PRA-SYARAT BWFF3013 KEWANGAN KORPORAT**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada aspek teori dalam bidang kewangan. Antara lain, kursus ini membincangkan tentang dasar pampasan, struktur modal, teori agensi, dasar dividen, kecekapan pasaran modal, penawaran saham bermusim, penawaran hutang dan pencantuman dan pengambilalihan.

.....

**BWFF3073 KEWANGAN PERIBADI
PRA-SYARAT BWFF2043 PENGURUSAN KEWANGAN
LANJUTAN**

Kursus ini menekankan proses merancang perbelanjaan, pembiayaan dan pelaburan individu dalam usaha mengoptimumkan kedudukan kewangannya. Pada asasnya, kewangan peribadi adalah proses menguruskan kewangan seseorang dengan tujuan memenuhi kepuasan ekonomi peribadi. Kursus ini memberikan gambaran menyeluruh tentang konsep kewangan dengan tumpuan khas kepada aplikasi konsep ini ke atas isu-isu yang dihadapi individu dan keluarga. Isu-isu yang unik dalam konteks Malaysia akan dibincangkan mengikut kesesuaian. Kursus ini juga akan menyentuh mengenai pengurusan kewangan peribadi daripada perspektif Islam.

.....

**BWFF3193 SEMINAR KEWANGAN
PRA-SYARAT TELAH MELENGKAPKAN SEKURANG-
KURANGNYA 100 JAM KREDIT**

Kursus ini adalah kursus lanjutan dari kursus kewangan korporat dan penekanan dalam teori, teknik dan praktis kewangan korporat. Kursus ini melibatkan interaksi antara pensyarah dan pelajar dalam perbincangan topik-topik yang dipilih. Tema utama kursus ini ialah untuk mengabungkan teori, prinsip dan konsep dalam bentuk kajian kes yang pelajar telah belajar dalam kursus kewangan di peringkat awal. Matlamat kursus ini ialah supaya pelajar mempamerkan kebolehan membuat analisis dalam keadaan sebenar dan juga keadaan simulasi perniagaan.

.....

**BWFF3013 ANALISIS PELABURAN
PRA-SYARAT BWFF2043 PENGURUSAN KEWANGAN
LANJUTAN**

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan konsep asas dan prinsip-prinsip pelaburan. Pelajar diajar teori pelaburan dan aplikasi teori-teori ini. Kursus ini memberi gambaran persekitaran pelaburan, pemahaman asas-asas

ekonomi dan analisis penyata kewangan. Konsep teori yang penting dan kaedah penilaian pendapatan tetap dan sekuriti ekuiti akan dibincangkan secara meluas meliputi opsyen, niaga hadapan, *swap*, dan sekuriti terbitan.

.....

**BWFF3023 PASARAN HADAPAN DAN OPSYEN
PRA-SYARAT BWFF2043 PENGURUSAN KEWANGAN
LANJUTAN**

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada prinsip-prinsip asas pasaran derivatif. Kursus ini juga membincangkan perkembangan pasaran derivatif di Malaysia di samping mempelajari peranan yang dimaikkannya di dalam pasaran modal. Perbincangan juga akan menyentuh mengenai pengenalan kepada pasaran-pasaran kewangan dan memberi gambaran tentang konsep-konsep derivatif, prinsip-prinsip dalam niagaan hadapan dan dagangan niagaan hadapan, memberi gambaran mengenai pasaran opsyen dan menerangkan perbezaan di dalam strategi dagangan opsyen. Kursus ini juga memberi penekanan kepada struktur pasaran terutama dari segi perundangan dan analisis di samping penerangan mengenai lain-lain kontrak derivatif seperti *swap* dan *warrant*.